

**UEM Edgenta Rekod Prestasi Kewangan Suku Pertama FY2024
dengan Pertumbuhan Hasil Berbanding Tahun Sebelumnya (YoY) dan
Perolehan Kontrak bernilai RM1.7 bil**

KUALA LUMPUR, 29 Mei – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, melaporkan keputusan kewangannya yang belum diaudit untuk suku pertama 2024 berakhir 31 Mac 2024 (“Q1 FY2024”).

UEM Edgenta mencapai pertumbuhan hasil sebanyak 7.2% pada suku pertama (“Q1 FY2024”), dengan jumlah hasil mencecah RM677.6 juta. Ini menandakan peningkatan sebanyak RM45.8 juta daripada RM631.8 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya (“Q1 FY2023”). Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh projek baharu dan juga projek-projek yang diperbaharui oleh bahagian *Healthcare Solutions* Malaysia, Singapura dan Taiwan. Sumbangan hasil oleh anak-anak syarikat yang baru diambil alih yang terletak di Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu turut menyumbang kepada pertumbuhan ini.

Syarikat mencatatkan peningkatan dalam keuntungan selepas cukai (“PAT”), dengan peningkatan RM8.6 juta kepada RM10.2 juta pada Q1 FY2024 berbanding Q4 FY2023. Peningkatan ini didorong oleh prestasi kewangan yang lebih baik dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, dilengkapi dengan langkah pengoptimuman kos dan sumber yang berkesan. Walau bagaimanapun, PAT tahun ke tahun adalah 5.4% lebih rendah berbanding Q1 FY2023.

UEM Edgenta terus menunjukkan kepimpinannya di dalam pasaran dengan memperoleh kontrak baharu berjumlah RM1.7 bilion dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini. Penambahan *order book* yang sihat ini adalah bukti kepada sumber syarikat yang teguh dan keupayaannya bagi memperbaharui dan memenangi kontrak baharu, membuka jalan untuk pertumbuhan pendapatan selanjutnya. Sehingga 31 Mac 2024, *order book* Syarikat mempunyai nilai tertunggak sebanyak RM9.5 bilion, di mana 69% disumbangkan oleh bahagian *Infrastructure Services*, diikuti oleh 24% daripada bahagian *Healthcare Solutions*.

Di Singapura, Syarikat berjaya memperoleh kontrak 5 tahun bagi penyediaan perkhidmatan sokongan hospital kepada pelbagai hospital-hospital awam dan swasta bernilai RM934.57 juta hingga RM963.49 juta. Ini menunjukkan rekod prestasi cemerlang UEM Edgenta, penyampaian perkhidmatan berkualiti tinggi dan daya saing dalam pasaran perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan di Singapura. Operasi di Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi meluaskan lagi jejak Syarikat di rantau tersebut dengan kontrak tambahan daripada pelanggan sedia ada serta yang baharu, disamping itu bahagian *Infrastructure Services* berjaya memperoleh beberapa kontrak penyelenggaraan jalan di Indonesia.

Di peringkat domestik, UEM Edgenta mengukuhkan kehadirannya dalam sektor penjagaan kesihatan swasta dengan memperluaskan perkhidmatan kepada pelanggan baharu dan memperbaharui kontrak dengan pelanggan sedia ada. Momentum pelaburan strategik syarikat dalam kemampanan dan teknologi bertambah dengan perolehan baharu Kontrak Prestasi Tenaga ("EPC") selama 10 tahun daripada Boustead DCP Sdn Bhd melalui OPUS Energy. Selain itu, *order book* bahagian Infrastruktur telah diperkukuh dengan kontrak tambahan penyelenggaraan jalan peringkat negeri di Selangor dan Sarawak, sekaligus mengukuhkan peranan penting UEM Edgenta dalam penyelenggaraan aset infrastruktur pengangkutan yang kritikal di seluruh Semenanjung Malaysia.

Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, berkata, "Prestasi kewangan Q1 FY2024 kami kekal berdaya tahan di kala keadaan yang mencabar secara berterusan yang timbul daripada keadaan perniagaan yang kompetitif dan tekanan inflasi. Walaupun disiplin kos kekal sebagai keutamaan strategik, kualiti keuntungan adalah ditegakkan melalui kemenangan kontrak berkualiti tinggi baharu di semua pasaran kami, seperti yang dibuktikan oleh peningkatan dalam keuntungan berbanding suku sebelumnya. Ini meletakkan kami di kedudukan terbaik untuk terus maju sepanjang tahun.

"Tumpuan kami kekal pada pemacuan pertumbuhan yang mampan melalui peningkatan kecekapan operasi, pengoptimuman sumber dan kos, dan penyampaian nilai kepada pihak berkepentingan kami. Dengan kunci kira-kira yang sihat serta nisbah penggearing kasar yang rendah sebanyak 0.33 kali serta kedudukan tunai dan bank yang kukuh bernilai RM540.6 juta, kami menyasarkan untuk meningkatkan lagi momentum pertumbuhan kami. Kami komited untuk memanfaatkan kepakaran kami dan penyelesaian inovatif untuk memanfaatkan peluang yang muncul dalam pasaran," tambahnya.

Untuk maklumat lanjut tentang UEM Edgenta, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants. Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi.

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Wan Laila Fatimah, Ketua, Komunikasi Korporat (wanlaila@edgenta.com) / Ali Baizuri Razali, Pengurus, Perhubungan Media (alibaizuri@edgenta.com)